

## Persepsi Pelajar Sekolah Terhadap Penawaran Program Diploma Pengurusan Acara di Universiti Teknologi MARA

Norlaili Haji Harun  
Azmi Salim  
Mas'udah Asmui  
Abd. Razak Said

### ABSTRAK

*Penganjuran majlis sama ada secara formal mahupun tidak formal di setiap organisasi kerajaan ataupun swasta pada hari ini dilihat sebagai satu elemen penting untuk mempromosikan imej organisasi mereka. Tunggak kejayaan dan kecemerlangan kepada penganjuran majlis adalah kerana pengurusan acaranya yang profesional, bersistematik, teratur berpandukan protokol-protokol yang telah digariskan. Kerajaan juga sentiasa memberi sokongan kepada organisasi dengan membantu mempromosikan sesetengah penganjuran majlis kerana ini adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kesediaan dan penerimaan pelajar sekolah menengah terhadap program Diploma Pengurusan Acara serta mengenalpasti kebolehpasaran program Diploma ini di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Untuk mendapatkan maklumbalas, satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada 78 responden yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah yang dipilih dari lima (5) buah sekolah di sekitar Daerah Jerantut, Bandar Pusat Jengka dan juga Temerloh. Teknik persampelan rawak secara kluster telah digunakan bagi memilih sampel bagi kajian ini. Hasil dari kajian ini mendapati kebanyakan para pelajar telah memberikan maklumbalas yang positif terhadap penawaran program Diploma Pengurusan Acara ini. Mereka bersetuju bahawa penawaran program Diploma ini dapat membantu meningkatkan kemahiran profesional mereka, mempertingkatkan kemahiran komunikasi serta keupayaan pemikiran kritikal, dapat membentuk sikap yang positif, meningkatkan sikap kerja berpasukan, sikap kepimpinan serta membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah.*

**Kata Kunci:** *Pengurusan Acara, Kebolehpasaran, Universiti Teknologi MARA*

### Pengenalan

Institut Teknologi MARA atau ITM telah ditubuhkan dengan fokus untuk membangunkan taraf sosioekonomi kaum bumiputera di negara tercinta ini. Ianya bermula dengan tertubuhnya Dewan Latehan RIDA pada tahun 1956 dengan matlamat untuk membangunkan serta meningkatkan taraf ekonomi masyarakat di luar bandar. Pada bulan Jun 1965, Dewan Latehan RIDA telah ditukar nama kepada Maktab MARA dengan tujuan untuk memberi aspirasi serta nafas baru kepada pusat latihan tersebut. Pada 14 Oktober 1967 dengan rasminya Maktab MARA ditukar nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM). ITM telah melahirkan ribuan graduan bumiputera yang terlatih serta berkelayakan dalam bidang sains dan teknologi, sains sosial serta bidang-bidang yang lain juga. Pada 26 Ogos 1999, sekali lagi Institut Teknologi MARA melakar sejarah apabila Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pertukaran nama ITM kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Aspirasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia dan ini telah dibuktikan melalui pencapaian dan anugerah yang dimenangi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. UiTM sentiasa memberi penekanan dan penumpuan kepada kecemerlangan akademik, inovasi, sosial, pengiktirafan antarabangsa kebolehpasaran graduannya serta penemuan teknologi baru yang menyumbang kepada pembangunan industri dan negara. Oleh yang demikian, penawaran program Diploma Pengurusan Acara ini di UiTM dianggap sebagai satu langkah proaktif bagi memastikan UiTM sentiasa cemerlang dan menjadi pilihan pertama para lepasan sekolah.

Antara objektif program ini diadakan adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk membangunkan kepakaran kaum Bumiputera agar mereka dapat menyertai pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan meningkatkan penglibatan mereka di peringkat antarabangsa. Selain itu, ia dapat membantu kerajaan dalam usaha membentuk generasi muda untuk menjadi pemimpin masa hadapan yang dinamik dan berinspirasi.

Semua ini adalah bagi mencapai Rancangan Malaysia ke-10 yang mahukan kemahiran dan kompetensi Bumiputera ditingkatkan bagi meluaskan kebolehpasaran di peringkat kebangsaan dan multinasional. Jika dilihat di “Job Search” atas talian, sudah banyak permintaan dari majikan yang mahukan Pengurus Acara atau yang sama tanggungjawab dengannya di Malaysia ini.

Intipati kursus ini adalah untuk melahirkan lebih ramai lulusan bumiputera yang berkemahiran, bijaksana dan beretika dalam menyelaras majlis-majlis korporat dan mampu menyumbang ke arah pembangunan dan kejayaan menyeluruh sesebuah organisasi.

## **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengenalpasti kesediaan dan penerimaan pelajar sekolah menengah terhadap program Diploma Pengurusan Acara
2. Untuk mengenalpasti kebolehpasaran program Diploma Pengurusan Acara ini di Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## **Skop dan Limitasi**

Antara skop dan limitasi dalam menjalankan kajian ini adalah:

1. Responden adalah pelajar sekolah menengah dari lima buah sekolah di sekitar Daerah Jerantut, Bandar Pusat Jengka dan Temerloh. Kesemua sekolah ini terletak di negeri Pahang.
2. Selain itu, kajian ini dibuat bagi mendapatkan maklumat kesediaan dan persepsi pelajar sekolah terhadap Diploma Pengurusan Acara.
3. Seterusnya, skop kajian ini adalah untuk mendapatkan dapatan tentang kebolehpasaran kursus yang akan ditawarkan di UiTM.

## **Kajian Literatur**

### **Definisi Pengurusan Acara**

Tidak banyak perbincangan berhubung dengan pendefinisian pengurusan acara secara holistik di dalam kajian-kajian sebelum ini. Namun menurut Dakle (2013) pengurusan acara berasal dari perkataan dasar acara atau di dalam bahasa Inggeris “event”. Perkataan “event” ini pula sebenarnya berasal dari perkataan Latin yang berbunyi “eventus” yang pada asalnya membawa maksud untuk menerangkan suatu keraian luar biasa yang berlaku. Namun pada hari ini, pengurusan acara membawa maksud yang lebih meluas konsepnya. Menurut Gets (1997) contohnya pengurusan acara yang dimaksudkan adalah sambutan atau keraian yang bertema yang mana orang ramai dijemput untuk memeriahkannya pada masa yang tertentu.

Silvers (2004) pula menyatakan bahawa acara adalah berkenaan tentang sekumpulan manusia berkumpul untuk membuat, beroperasi, dan mengambil bahagian serta merasai sendiri pengalaman itu. Di dalam Hillary Commission for Sport (1997) di dalam Kose et al. (2011) memberi pendefinisian dari sudut pengurusan acara sukan iaitu acara adalah aktiviti-aktiviti masa lapang dan merupakan peluang pekerjaan. Di samping itu ia juga mengumpulkan manusia untuk bersama dan bergembira, meningkatkan kualiti hidup seseorang, memberikan faedah ekonomi dan juga menjana hasil pendapatan. Banyak aktiviti-aktiviti yang berlaku pada hari ini tergolong di dalam pendefinisian pengurusan acara ini dari acara-acara yang kecil kepada acara-acara yang besar sifatnya seperti perjumpaan sosial, sukan, persembahan, hiburan, bengkel, kursus, seminar dan sebagainya.

### **Potensi Bidang Pengurusan Acara**

Pengurusan acara merupakan satu bidang yang kian berkembang pesat. Ianya diakui sebagai salah satu bidang yang cepat berkembang dan membawa pulangan keuntungan yang sangat besar. Menurut Marcketti dan Arendt (2011) pengurusan acara merupakan bidang yang sedang berkembang dan ia meliputi pelbagai acara dan festival seperti sukan, seminar, mesyuarat dan lain-lain lagi. Presbury dan Edwards (2005) turut melaporkan bahawa industri pelancongan yang melibatkan pengurusan acara telah mendapat perhatian yang besar oleh sektor swasta dan kerajaan Australia sejak 10 tahun kebelakangan. Bidang pengacaraan dikatakan telah memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi dan ini disokong oleh Jago dan Shaw (1998) yang turut menyatakan bahawa sesuatu acara yang berjaya bukan sahaja mampu menarik hadirin atau jemputan dari dalam atau luar negara, malah mampu menyumbang kepada sosio ekonomi sesebuah negara dan kesejahteraan sosial rakyatnya. K Prakash Vel dan Ricky Sharma (2010) juga mengatakan bahawa sesuatu acara yang dirancang dengan bijaksana menggunakan rangkaian kaedah komunikasi seperti media sosial, komunikasi pemasaran integrasi, perhubungan awam yang berkesan boleh mengubah sebuah festival yang biasa menjadi luar biasa dan menjadi sebutan ramai.

Dari segi pendidikan ianya juga terkesan sepertimana Bowdin et al. (2011) bahawa dalam dekad pertama abad ke 21 di seluruh dunia, pengurusan acara terus menjana kesan positif dan berperanan penting dalam pembangunan budaya, seni, pertumbuhan semula bandar, pendidikan dan pelancongan. Potensi bidang pengurusan acara ini amatlah cerah memandangkan perkembangannya yang amat cepat. Namun menurut Mair dan Whitford (2013) hanya pada tahun 1980an kerajaan di seluruh dunia didapati menyedari akan potensi bidang pengurusan acara ini yang mampu menghasilkan impak-impak yang positif terhadap sesebuah negara. Biarpun isu-isu masalah ekonomi dunia contohnya, bidang pengurusan acara masih terus berlangsung walaupun mungkin dengan skala yang lebih kecil dan ekonomi. Ini selari dengan Devine dan Devine (2012) yang menyatakan bahawa industri pengurusan acara adalah sama seperti industri-industri yang lain yang mana ianya tidak bebas dari permasalahan seperti masalah ekonomi dunia. Beliau juga menyatakan bahawa penganjur-penganjur acara di seluruh dunia telah, dan akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran yang mungkin mengancam penganjuran acara-acara mereka.

Pengurusan acara berlaku setiap hari. Tidak kira besar atau kecil ianya perlu diuruskan dengan perancangan yang rapi. Di dalam kajian Lee dan Goldblatt (2012) mereka mendapati separuh dari responden menyatakan kejatuhan keuntungan semasa krisis kewangan dunia pada tahun 2007 - 2009. Namun penganjur-penganjur acara profesional menjangkakan industri pengurusan acara tetap berkembang tetapi dengan kadar yang agak konservatif selepas krisis kewangan dunia tersebut.

### **Kerjaya Pengurusan Acara**

Melihat kepada potensi bidang pengurusan acara ini yang berkembang dengan cepat dan dijangka akan terus berkembang walau dalam apa suasana ekonomi dunia, sudah pastilah kerjaya di bidang ini juga akan terus mencari bakal pekerja yang berkelayakan dan berkebolehan. Memandangkan acara berlaku setiap tahun, setiap bulan, setiap minggu, malahan ianya juga berlaku setiap hari, ia memerlukan ramai individu yang kompeten untuk memastikan setiap acara yang berlaku ini berjalan dengan jayanya. Theocharis (2008) di dalam Kose et. al (2011) menyebut bahawa industri pengurusan acara merupakan salah satu daripada majikan terbesar dunia dan merupakan penyumbang utama kepada kesan positif terhadap ekonomi.

Pendefinisian acara daripada Hillary Commission for Sport (1997) di dalam Kose et al. (2011) menyokong bahawa pengurusan acara mampu menawarkan peluang kerjaya. Ia memberi pendefinisian dari sudut pengurusan acara sukan iaitu acara adalah aktiviti-aktiviti masa lapang dan merupakan peluang pekerjaan. Ini dikuatkan lagi dengan penulisan dari Trost dan Milohnic (2013) yang menyatakan bahawa bidang pengurusan acara merupakan kerjaya profesional yang berkembang pantas. Arcodia dan Reid (2005) menegaskan tentang perlunya untuk meningkatkan jumlah profesional di dalam bidang pengurusan acara yang mampu untuk membuat, menganjur dan menguruskan acara. Antaranya menurut Beaven dan Wright (2006) penyelidikan empirikal menunjukkan bahawa institusi pendidikan telah menggunakan pelbagai cara dan pendekatan bagi kebolehpasaran graduan pengurusan acara. Ini termasuklah pengalaman latihan di dalam industri, latihan pembangunan profesional dan peluang mengikuti atau mengalami sendiri pengalaman menguruskan acara. Melalui dapatan dari kajian dari Dakle (2013) beliau memberi cadangan dengan jelas dan menegaskan bahawa pendidikan atau latihan formal secara profesional merupakan satu perkara penting dalam memastikan satu-satu acara itu dapat diuruskan dengan jayanya.

## **Kesediaan dan Penerimaan Pelajar Sekolah Menengah**

Menurut Arcodia dan Barker (2003) pengurusan acara telah wujud menjadi sektor dinamik di dalam industri pelancongan lebih sedekad lalu. Ini dapat dilihat dengan peningkatan jumlah acara di mana-mana negara terutama yang menitikberatkan sektor pelancongan negara. Antaranya Korea dan Australia yang mana sebahagian ekonomi negara mereka adalah dari keuntungan pelancongan. Pelancongan dan pengurusan acara adalah saling berkait-rapat terutama pengurusan acara dapat meningkatkan kadar jumlah pelancong asing di negara.

Kementerian Pelancongan Malaysia giat mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan melancarkan pelbagai kempen dan seminar (Azmin, 2008). Bagi merealisasikan kempen dan seminar, bidang pengurusan acara sangat memainkan peranan penting. Diploma Pengurusan Acara yang akan ditawarkan di UiTM adalah salah satu kursus yang dibina bagi mencapai matlamat kerajaan dalam melahirkan graduan bumiputera yang berkemahiran dan berpengetahuan khusus dalam merancang, mengurus, serta menyelaras majlis dan program peringkat organisasi, nasional dan antarabangsa.

Di Malaysia, pendidikan pengurusan acara semakin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi dan era pengurusan maklumat. Pelajar sekolah menengah semestinya adalah antara bakal penuntut institusi-institusi pengajian tinggi, oleh itu, mendapatkan dapatan dari mereka adalah tepat. Mereka akan memilih untuk menyambung dalam bidang pendidikan dan pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kelayakan selain bidang itu dapat memenuhi matlamat kehidupan mereka pada masa hadapan. Kyong, Myong dan Hee (2009) menyatakan matlamat pendidikan pengurusan acara adalah menghasilkan profesional industri yang berpendidikan dan berpengetahuan bagi masa hadapan dan mampu berkembang dan matang dalam industri pengurusan.

Persepsi pelajar terhadap kursus pengurusan acara boleh membantu pendidik dan pentadbir pengurusan acara menghasilkan pelbagai polisi, prosedur dan amalan-amalan kokurikulum pengurusan acara semasa dan meningkatkan kualiti pendidikan acara (Kyong et al., 2009). Kyong et al. (2009) dalam kajiannya juga mendapati bahawa responden bersetuju kokurikulum pengurusan acara mesti diteruskan bagi meningkatkan perhubungan di antara industri acara, pelajar dan komuniti akademik acara.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri pengurusan acara antaranya, ialah cabaran menarik minat golongan remaja menyertai peluang-peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan dan juga cabaran mengekalkan mereka di dalam pasaran kerja yang mencabar (Azmin, 2008; Yusof & Kamal, 2006). Oleh itu, penawaran kursus ini adalah bertepatan dengan senario masa kini di mana banyak organisasi masa kini yang menggunakan "outsourc" bagi pengendalian majlis atas faktor ketiadaan kakitangan yang berkemahiran.

## **Kebolehpasaran Program**

Adalah penting untuk memastikan program yang ditawarkan oleh universiti kepada pelajar mempunyai nilai kebolehpasaran. Menurut Harvey dan Knight (2003) di dalam Beaven dan Wright (2006) kebolehpasaran adalah di mana graduan-graduan universiti atau kolej berpotensi untuk mendapat pekerjaan yang sesuai setelah tamat pengajian dalam masa yang munasabah serta telah cukup dibekalkan dengan ilmu dan pengetahuan untuk terus bekerja dan meningkat berjaya di dalam kerjaya yang dipilih.

Kebolehpasaran sesuatu program atau kursus universiti boleh dinilai dengan cara melihat jumlah iklan pekerjaan di dalam bidang pengurusan acara. Jika jumlah iklan pekerjaan bidang ini di dalam suratkhbar atau atas talian banyak, ini bermaksud keperluan bidang ini sudah menjadi semakin penting dan dianggap boleh dipasarkan di pasaran kerja.

Pencarian kerja atas talian atau "online job search" kini semakin digunakan memandangkan ramai majikan menggunakan cara ini bagi mendapatkan calon pekerja yang berkelayakan. Selain itu, kaedah ini antara kaedah yang mudah dan cepat. Dengan pengiklanan ini, ia memberi maklumat penting kepada pelajar, institusi pengajian tinggi dan komuniti tentang keperluan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Ini kerana bidang pengurusan acara memberikan kesan positif dalam jangka masa panjang kepada sesebuah negara selain meningkatkan taraf hidup masyarakat negara itu. Menurut Azmin dan Azhani (2008) ketibaan pelancongan dunia dianggarkan meningkat kepada 4.3% pada setiap tahun dan menjelang tahun 2020

ketibaan pelancong dijangka akan mencecah sehingga 1.6 bilion dan salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan tersebut adalah pelancongan sukan (Simon, 2003).

## Metodologi Kajian

Untuk mendapatkan maklumbalas, satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada 78 responden yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah yang dipilih dari lima (5) buah sekolah di sekitar Daerah Jerantut, Bandar Pusat Jengka dan juga Temerloh. Borang soal selidik ini mengandungi 19 soalan tertutup (close-ended) manakala satu soalan berbentuk terbuka (open-ended). Kerangka kurikulum juga dilampirkan bersama borang soal selidik ini bagi memudahkan responden membuat rujukan agar mereka dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan lebih baik. Teknik persampelan rawak secara kluster telah digunakan bagi memilih sampel bagi kajian ini. Bagi tujuan ini, kumpulan-kumpulan pelajar yang dipilih, diserahkan borang soal selidik dan diberikan masa untuk menjawab borang tersebut.

## Hasil Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian adalah seperti berikut.

Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah peratusan responden dari kalangan pelajar sekolah. Ia menunjukkan responden perempuan terdiri dari hampir 68% manakala selebihnya adalah dari kalangan responden laki-laki iaitu seramai 32%. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 78 orang yang dipilih dari 5 buah sekolah di Daerah Jerantut, Bandar Jengka, dan Temerloh. Daripada 78 orang ini tadi 53 orang (68%) adalah perempuan manakala seramai 25 orang (32%) adalah laki-laki.

Jadual 1: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

|           | N  | %     |
|-----------|----|-------|
| Laki-Laki | 25 | 32.1  |
| Perempuan | 53 | 67.9  |
| Jumlah    | 78 | 100.0 |

## Pecahan Responden Mengikut Sekolah

Seperti yang dinyatakan di atas tadi, terdapat lima (5) buah sekolah yang dipilih dari tiga (3) daerah yang berbeza pula. Jumlah dan peratusan responden berdasarkan sekolah adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Sekolah

|                                | N  | %     |
|--------------------------------|----|-------|
| SMK Abu Bakar Temerloh         | 12 | 15.4  |
| SMK Jengka Pusat Bandar Jengka | 30 | 38.5  |
| SMK Padang Saujana Jerantut    | 13 | 16.7  |
| SMK Seri Bahagia Temerloh      | 10 | 12.8  |
| SMK Temerloh Jaya Temerloh     | 13 | 16.7  |
| JUMLAH                         | 78 | 100.0 |

Bagi soalan-soalan berikutnya responden diminta untuk memilih jawapan “Ya” atau “Tidak” bagi setiap pernyataan yang diberikan. Dapattannya adalah seperti berikut:

Jadual 3: Program Diploma Ini Selari Dengan Minat Saya

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 39 | 50.0  |
| Tidak  | 39 | 50.0  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Jadual 4: Program Diploma Ini Juga Sesuai Dengan Matlamat Kerjaya Yang Saya Inginkan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 39 | 50.0  |
| Tidak  | 39 | 50.0  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Jadual 5: Saya Bercadang Untuk Mengikuti Program Ini Jika Ditawarkan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 39 | 50.0  |
| Tidak  | 39 | 50.0  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi tiga (3) pernyataan yang disediakan bilangan responden yang menjawab “ya” adalah sama banyak dengan yang menjawab “tidak” iaitu sebanyak 50% “ya” dan 50% “tidak”. Pernyataan-pernyataan tersebut adalah seperti dalam Jadual 3, 4 dan 5. Jawapan yang diberikan oleh responden dalam jadual 5 adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan (senarai kursus yang bakal ditawarkan). Ini bermaksud, dapatan ini berkemungkinan akan berbeza jika maklumat lengkap seperti jawatan yang bakal dipohon, jumlah gaji yang bakal diterima dan lainnya disertakan bersekali di dalam borang soal selidik tersebut. Bagaimanapun ia boleh memberi gambaran minat yang ada di kalangan responden terhadap program yang bakal ditawarkan ini.

Jawapan bagi pernyataan-pernyataan yang lain adalah seperti di bawah:

Jadual 6: Subjek Yang Ditawarkan Memenuhi Keperluan Pasaran dan Industri

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 64 | 82.05 |
| Tidak  | 14 | 17.95 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Subjek yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran dan industri”, 82% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 18% tidak bersetuju.

Jadual 7: Program Ini Dijangka Dapat Menghadapi Cabaran Masa Depan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 64 | 82.05 |
| Tidak  | 14 | 17.95 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Program ini dijangka dapat menghadapi cabaran masa depan”, 82% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 18% tidak bersetuju.

Jadual 8: Subjek Yang Ditawarkan Merangkumi Segala Aspek Komprehensif

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 61 | 78.21 |
| Tidak  | 17 | 21.79 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Subjek yang ditawarkan merangkumi segala aspek komprehensif”, 78% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 22% tidak bersetuju.

Jadual 9: Program Yang Bakal Ditawarkan Dapat Membantu Kemahiran Profesional Saya

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 51 | 65.38 |
| Tidak  | 27 | 34.62 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Program yang bakal ditawarkan dapat membantu kemahiran profesional saya”, 65% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 35% tidak bersetuju.

Jadual 10: Kandungan Program Dapat Mempertingkatkan Kemahiran Komunikasi

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 69 | 88.46 |
| Tidak  | 09 | 11.54 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat membantu mempertingkatkan kemahiran komunikasi”, 88% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 12% tidak bersetuju.

Jadual 11: Kandungan Program Dapat Mempertingkatkan Keupayaan “Pemikiran Kritisal”

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 66 | 84.62 |
| Tidak  | 12 | 15.38 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat mempertingkatkan keupayaan pemikiran kritisal”, hampir 85% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu 15% tidak bersetuju.

Jadual 12: Kandungan Program Dapat Dalam Pembentukan Sikap

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 69 | 88.46 |
| Tidak  | 09 | 11.54 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat membantu dalam pembentukan sikap”, 88% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 12% tidak bersetuju.

Jadual 13: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Sikap Kerja Berpasukan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 71 | 91    |
| Tidak  | 07 | 9     |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan sikap kerja berpasukan”, 91% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 9% tidak bersetuju.

Jadual 14: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Kemahiran Keusahawanan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 64 | 82.1  |
| Tidak  | 14 | 17.9  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan”, 82% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 18% tidak bersetuju.

Jadual 15: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Tahap Nilai-Nilai Moral di Kalangan Pelajar

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 65 | 83.3  |
| Tidak  | 13 | 16.7  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan tahap nilai-nilai moral di kalangan pelajar”, 83% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 17% tidak bersetuju.

Jadual 16: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Kemahiran Penyelesaian Masalah

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 71 | 91.0  |
| Tidak  | 7  | 9.0   |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah”, 91% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 9% tidak bersetuju.

Jadual 17: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Sikap Kepimpinan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 69 | 88.46 |
| Tidak  | 9  | 11.54 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan sikap kepimpinan”, 88% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 12% tidak bersetuju.

Jadual 18: Kandungan Program Dapat Meningkatkan Kemahiran Dalam Aspek Pengurusan

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 72 | 92.31 |
| Tidak  | 6  | 7.69  |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Kandungan program dapat meningkatkan kemahiran dalam aspek pengurusan”, 92% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 8% tidak bersetuju.

Jadual 19: Program Ini Juga Dirangka Dengan Baik dan Seimbang Dengan Segala Perkara

|        | N  | %     |
|--------|----|-------|
| Ya     | 58 | 74.36 |
| Tidak  | 20 | 25.64 |
| JUMLAH | 78 | 100.0 |

Bagi pernyataan “Program ini juga dirangka dengan baik dan seimbang dengan segala perkara”, 74% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala selebihnya iaitu hampir 26% tidak bersetuju.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kebanyakan para pelajar telah memberikan maklumbalas yang positif terhadap penawaran program Diploma Pengurusan Acara ini. Mereka bersetuju bahawa penawaran program Diploma ini dapat membantu meningkatkan kemahiran profesional mereka, mempertingkatkan kemahiran komunikasi serta keupayaan pemikiran kritikal, dapat membentuk sikap yang positif, meningkatkan sikap kerja berpasukan, sikap kepimpinan serta membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah.

Responden kajian menunjukkan majoriti adalah perempuan mungkin tidak menggambarkan situasi sebenar dunia Pengurusan Acara. Menurut kajian Dakle (2013) peratusan yang tinggi iaitu 90% penganjur acara adalah lelaki. Mungkin dapatan adalah berbeza sekiranya sebaliknya berlaku. Responden tidak menunjukkan dapatan yang signifikan yang memberat kepada “Ya” atau “Tidak” berhubung soalan tentang program ini selari dengan minat, sesuai dengan kerjaya yang diinginkan dan cadangan untuk mengikuti program jika ditawarkan. Namun ia masih menunjukkan responden berminat terhadap program yang bakal ditawarkan ini. Majoriti sangat besar responden berkeyakinan bahawa kandungan program mampu meningkatkan kemahiran pengurusan, sikap kerja berpasukan dan menyelesaikan masalah. Majoriti juga percaya program ini mampu meningkatkan nilai moral pelajar, memenuhi keperluan pasaran, menghadapi cabaran masa depan serta meningkat kemahiran keusahawanan.



Walaupun masih majoriti responden bersetuju bahawa program ini merangkumi segala aspek komprehensif, seimbang dengan segala perkara dan dapat membantu kemahiran profesional mereka, namun tiga aspek ini majoritinya adalah rendah berbanding aspek-aspek lain yang mana majoritinya adalah sangat tinggi. Ini mungkin kerana responden tidak dapat melihat kandungan kurikulum sepenuhnya. Dapatan skor yang sangat tinggi juga mungkin boleh didapati jika responden mendapat gambaran yang jelas tentang kurikulum program ini. Bakal pelajar program ini harus dibekalkan dengan keyakinan bahawa program ini mampu untuk memberi kebolehpasaran yang tinggi yang menekankan kepada kemahiran (vocationally-oriented) di dalam kurikulum pengajian sebagaimana yang disarankan oleh Beaven dan Wright (2006).

## Rujukan

- Arcodia, C., and Barker, T. (2003). The employability prospects of graduates in event management: Using data from job advertisements. *Proceedings of the Council of Australian University Tourism and Hospitality Education Conference, Australia*, 1-16. Diperoleh 21 Ogos 2013, dari [espace.library.uq.edu.au/eserv/UQ:10174/ca\\_tb\\_jobads.pdf](http://espace.library.uq.edu.au/eserv/UQ:10174/ca_tb_jobads.pdf).
- Arcodia, C., and Reid, S. (2005). Event Management Associations and the Provision of Services. *Journal of Convention & Event Tourism*, Vol. 6, No. 4, pp. 5 – 25.
- Azmin, N. A. M. (2008) Kajian persepsi komuniti tempatan terhadap pelancongan sukan: Monsoon Cup, Pulau Duyung. *Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Built Environment*. Diperoleh 21 Ogos 2013, dari [http://eprints.utm.my/5893/4/NurulAzhaniMB\\_D08TTTCHAP1.pdf](http://eprints.utm.my/5893/4/NurulAzhaniMB_D08TTTCHAP1.pdf).
- Beaven, Zuleika., and Wright, Richard. (2006). Experience! Experience! Experience! Employer Attitudes To Arts & Event Management Graduate Employability. *International Journal of Event Management Research* Vol. 2, No. 1, pp. 17 – 24.
- Bowdin, G., Allen, J., O’Toole, W., Harris, R., and McDonnell, I. (2011). *Events Management*. 3rd ed., Butterworth-Heinemann, Oxford.
- Dakle, Sunita. (2013). Event Management: A Study Of Problems And Prospects. *Global Conference on Business and Finance Proceedings.*, Vol. 8, No. 2, 2013, pp. 202 – 207.
- Devine, Adrian., and Devine, Frances. (2012). The Challenge And Opportunities For An Event Organiser During An Economic Recession. *International Journal of Event and Festival Management*, Vol. 3, No. 2, pp. 122 – 136.
- Getz, D. (1997). *Event Management and Event Tourism*. New York: Cognizant Communication Corporation, United States.
- Jago, L., and Shaw, R. (1998). Special Events: A Conceptual And Definitional Framework. *Festival Management and Event Tourism*, Vol. 5, Nos 1-2, pp. 21-32.
- K. Prakash Vel., and Ricky Sharma (2010). Megamarketing an Event Using Integrated Marketing Communications: The Success Story of TMH, *Business Strategies Series*, Vol. 11, No. 6, pp. 371-382.
- Kyong, M. L. (2009). A comparison of student and industry perceptions of the event management curriculum in Korea. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 8, 2, 60-73.
- Kose, Huseyin, Argan, Mehpare Tokay., and Argan, Metin. (2011). Special Event Management And Event Marketing: A Case Study Of TKBL All Star 2011 In Turkey. *Journal of Management & Marketing Research*, Vol. 8, p. 1.
- Lee, Seungwon., and Goldblatt, Joe. (2012). The Current And Future Impacts Of The 2007-2009 Economic Recession On The Festival And Event Industry. *International Journal of Event and Festival Management*. Vol. 3, No. 2, pp. 137-148.

- Mair, Judith., and Whitford, Michelle (2013). An Exploration Of Events Research: Event Topics, Themes And Emerging Trends. *International Journal of Event and Festival Management*, Vol. 4, No. 1, 2013, pp. 6-30.
- Marcketti, Sara B., and Arendt, Susan W. (2011). Leadership In Action: Student Leadership Development In An Event Management Course. *Leadership and Organization Development Journal*, Vol. 32, No. 2, pp. 170 –189.
- Presbury, Rayka., and Edwards, Deborah. (2005). Incorporating Sustainability in Meetings and Event Management Education. *International Journal Of Event Management Research*, Vol.1, No. 1, pp. 30 -45.
- Silvers, JR. (2004). Professional Event Coordination, John Wiley & Sons Inc. New Jersey.
- Trost, Klara., and Milohnic, Ines (2013). Management Of Sustainable And Responsible Event Practices In Tourism(Case Study: Ulysses Theatre). The 5th International Scientific Conference "Entrepreneurship and Macroeconomic Management: Reflections on the World in Turmoil".
- Universiti Teknologi MARA (2013). [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my), Diperoleh 21 August 2013.
- Yusof, N. S., and Kamal, R. I. (2006). Students perception career opportunities in the field. Diperoleh 21 Ogos 2013, dari <http://eprints.utm.my/256/2/NoorSuhailaYusof12006Persepsipelajartherhadappeluangkerjaya.pdf>.
- 
- NORLAILI HAJI HARUN, AZMI SALIM, MAS'UDAH ASMUI. Universiti Teknologi MARA (Pahang). [norlaili@pahang.uitm.edu.my](mailto:norlaili@pahang.uitm.edu.my), [azmisalim@pahang.uitm.edu.my](mailto:azmisalim@pahang.uitm.edu.my), [mas'udah@pahang.uitm.edu.my](mailto:mas'udah@pahang.uitm.edu.my).
- ABD. RAZAK SAID, Universiti Teknologi MARA Kelantan. [abdrzak@kelantan.uitm.edu.my](mailto:abdrzak@kelantan.uitm.edu.my).